

04/01/1997

Dagangan negara dapat sambutan dunia

MALAYSIA yang sudah berjaya menempatkan dirinya sebagai sebuah daripada negara perdagangan terkemuka di dunia dijangka memperbaiki pencapaiannya tahun ini.

Banyak daripada barangan kilang seperti cip komputer, komoditi utama seperti petroleum dan barangan pertanian termasuk minyak sawit, mendapat permintaan yang tinggi di seluruh dunia.

Memandangkan perdagangan adalah tenaga bagi ekonomi sesebuah negara, pelbagai program sudah digerakkan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara perdagangan yang lebih besar lagi pada masa depan.

Mutu barangan Malaysia yang kian meningkat di pasaran antarabangsa berjaya menyumbangkan kepada daya pasaran mereka dan kemunculan pasaran khusus bagi barangan seumpamanya.

Di samping permintaan yang meningkat bagi pelbagai jenis barangan Malaysia, kejayaan perdagangan Malaysia di negara ini banyak dibantu kesungguhan yang ditunjukkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Dalam beberapa forum antarabangsa, termasuk Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasific (Apec) dan mesyuarat peringkat menteri Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO), Dr Mahathir dan Rafidah sering meninggalkan kesan mendalam terhadap pendirian Malaysia dan negara membangun lain.

(END)